

30/09/2003

Peluang pertingkat sistem

PAMERAN Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) penting bagi mematangkan negara mengenai teknologi pertahanan agar seiring perkembangan semasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak berkata, menerusi pameran itu, negara dapat menilai dan menghargai betapa teknologi pertahanan penting dalam menentukan keamanan serta kedaulatan negara.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Lima `03, berkata pengetahuan yang diperoleh daripada pameran itu sangat penting untuk negara menyiapkan sistem pertahanan, sesuai dengan proses pemodenan.

"Malah, Malaysia mula membeli pesawat MiG keluaran Russia selepas melihat keupayaannya menerusi Lima pertama pada 1991 diikuti pesawat terbaru Sukhoi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas meninjau persiapan terakhir Lima `03, di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), semalam. Turut hadir, Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Radzi Manan dan Pengarah Eksekutifnya, Yusof Manan.

Lima edisi ketujuh ini akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di MIEC hari ini. Segmen udara diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, manakala segmen maritim di Awana Porto Malai.

Selain itu, Najib berkata, Lima juga membuka ruang kepada syarikat tempatan untuk menjalin kerjasama dengan syarikat pengeluar antarabangsa, sekali gus membolehkan perpindahan teknologi kedua-dua negara.

"Bagi Lima kali ini, sebanyak 12 memorandum persefahaman akan ditandatangani membabitkan perjanjian bernilai beberapa juta ringgit," katanya.

Sementara itu, Najib berkata Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan menerima secara rasmi helikopter Super Lynx dari Britain sempena Lima `03.

Super Lynx dengan kapasiti enam penumpang dilengkapi senjata antikapal semalam, akan digunakan TLDM dalam operasinya.

Mengenai persiapan Lima kali ini, Najib yang turut meninjau persediaan upacara pembukaan dan majlis makan malam rasmi, berkata semuanya lancar.

"Kita sudah mula dapat melihat kemeriahan Lima kali ini dan saya pasti ia akan memberi kepuasan kepada semua," katanya.